

Berunsur riba, gharar

>>Oleh Ahmad Nazri Mohamad dan Baharom Bakar

am@hmetro.com.my

KUALA TERENGGANU: "Pelaburan melalui Internet yang menjamin keuntungan secara tetap didapati mengandungi unsur riba dan gharar (ke-raguan).

"Justeru, umat Islam diharuskan terbabit dengan pelaburan berkenaan," kata Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, Prof Datuk Dr Abdul Shukor Husin.

Menurutnya, keputusan pengharaman pelaburan melalui Internet itu dibuat berdasarkan rujukan kepada beberapa ayat al-Quran yang tidak membenarkan pelaburan yang menjamin keuntungan secara tetap.

Katanya, fatwa pengharaman pelaburan melalui Internet itu akan dikemukakan kepada semua kerajaan negeri untuk diwartakan secepat mungkin.

"Kerajaan Pusat banyak menyediakan skim pelaburan berlandaskan Islam dan ia boleh disertai umat Islam di negara ini.

"Kami menasihatkan umat Islam yang membuat pelaburan melalui Internet supaya menghentikan kegiatan itu serta-merta," katanya selepas berakhir muzakarah ke-77 majlis itu di sini semalam yang memutuskan pelaburan melalui Internet yang banyak dianjurkan di negara ini sebagai haram.

Pelaburan melalui internet mendapat tumpuan baru-baru ini apabila akhbar Metro

Ahad pada 18 Mac lalu melaporkan ramai umat Islam ghairah menjadi orang kaya baru (OKB) dengan terbabit dalam pelaburan seperti itu tanpa mengetahui hukumnya halal atau haram.

Turut dipaparkan pandangan orang ramai, pendirian mufti negeri seperti Perak, Perlis, Johor dan Terengganu.

Perak, contohnya memberi amaran kepada umat Islam mengenai bahaya pelaburan di Internet kerana bukan saja ia berunsur riba, tetapi mampu menyebabkan kekacauan di kalangan masyarakat berikutan potensi pelabur ditipu cukup besar.

Jabatan Mufti Perlis memfatwakan pelaburan di Internet sebagai haram, manakala Johor dan Terengganu

meminta Majlis Fatwa Kebangsaan (MFK) mengkaji dan mengeluarkan ketetapan segera.

Menerusi laman web Jabatan Mufti Perak, kajian dikeluarkan daripada pejabat Datuk Seri Harussani Zakaria itu turut memberi hujah, kebanyakan pelaburan di internet tidak menyatakan dengan jelas bentuk pelaburan mereka, sama ada dalam sektor halal atau haram.

Kajian bertajuk 'Beberapa Perkara Syubhah (Meragukan) Dalam Pelaburan Internet' yang dikeluarkan pada 24 Mac lalu itu turut menjelaskan, skim pelaburan berkenaan mendedahkan pelabur kepada bahaya ditipu.

Setiausaha Majlis Penasihat Syariah sebuah institusi kewangan Islam antarabangsa

di Malaysia, Zaharuddin Abdul Rahman, turut menegaskan, pulangan yang diterima daripada pelaburan di Internet adalah haram.

Selain pelaburan Internet, Majlis Fatwa Kebangsaan juga memutuskan pameran jin, hantu dan keranda yang dianjurkan di negara ini sebagai haram kerana boleh menimbulkan kekeliruan dan pertikaian di kalangan umat Islam.

Katanya, pameran itu boleh mendatangkan mudarat kepada akidah umat Islam kerana perkara ghaib tidak boleh dicapai akal manusia.

"Kami tidak mahu umat Islam dididik dan disogok dengan perkara berunsur tahyul serta boleh menjurus ke arah khurafat.

"Pihak berkuasa tempatan



ABDUL SHUKOR...al-Quran tegah keuntungan tetap

(PBT) dan kerajaan negeri diminta tidak membenarkan pameran seperti itu diadakan," katanya.

Abdul Shukor juga meletakkan keresahan umat Islam mengenai nada dering telefon bimbit menggunakan ayat al-Quran dan azan apabila majlis itu memutuskan tiada halangan penggunaannya.